

**MCA Tingkat Perpaduan Di Kalangan Kaum Cina Untuk Raih Kemenangan Besar PRU13**  
**Bernama**  
**January 10, 2012**

IPOH, 10 Jan (Bernama) -- Pemimpin MCA akan meningkatkan perpaduan di kalangan kaum Cina dengan mengadakan perjumpaan dan pertemuan bersama mereka secara berterusan bagi meraih kemenangan besar dalam pilihan raya umum ke-13 (PRU13), kata Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Kong Cho Ha.

Beliau berkata setakat ini persiapan bagi pilihan raya umum akan datang berjalan lancar di samping sokongan padu yang ditonjolkan masyarakat Cina di Perak amat memberangsangkan.

"Saya lihat lebih banyak NGO-NGO (badan bukan kerajaan) Cina rela datang bertemu dengan kita dan mereka menghadiri majlis anjuran MCA...Ini merupakan satu petunjuk yang baik bahawa MCA sudah meraih kembali sokongan daripada pengundi-pengundi Cina," kata Kong yang juga Menteri Pengangkutan pada majlis penyampaian sumbangan cek Magnum IT Sdn Bhd bernilai RM69,000 kepada 23 badan kebajikan di seluruh Perak.

Beliau juga berharap MCA memperoleh kemenangan yang lebih baik berbanding pilihan raya umum lepas.

Mengenai senarai calon yang akan bertanding pada PRU13, beliau berkata MCA sedang mengenal pasti calon-calon yang layak bertanding dengan mengambil kira latar belakang mereka.

Mengenai keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Isnin yang membebaskan dan melepaskan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada tuduhan meliwat bekas pembantunya, Mohd Saiful Bukhari Azaln, Kong berkata beliau percaya dan menghormati keputusan mahkamah itu.

"Apa pun keputusan yang dibuat mahkamah, kita perlu terima...apa yang pihak itu (Anwar) nak buat selepas ini terpulang kepadanya. Jadi kita janganlah politikkan perkara ini kerana ia tidak akan menguntungkan sesiapa pun," katanya.

Mengenai sambutan Tahun Baru Cina pada 23 dan 24 Jan ini, beliau berkata Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina peringkat kebangsaan akan diadakan di Padang Astaka, Sitiawan pada 28 Jan ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bersama barisan jemaah menteri dijangka menghadiri majlis tersebut.

Hari ini ada satu mesyuarat peringkat kebangsaan diadakan di Kuala Lumpur bagi membincangkan mengenai perancangan dan program ini diadakan," katanya sambil menjangkakan kira-kira 50,000 orang dijangka hadir pada majlis itu.

---BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639104>